



MEMBERSIHKAN rumah yang dilanda banjir memerlukan kesabaran.



KEMERIAHAN sambutan Aidilfitri pada minggu lalu terjejas akibat banjir.

Musibah banjir

Air bah yang melanda beberapa negeri di utara Semenanjung Malaysia bermula awal bulan lalu bukan sahaja menimbulkan risiko keselamatan, malah menjejaskan sambutan perayaan bagi penduduk tempatan.

IA datang lagi membawa pelbagai kerugian. Kerosakan harta benda dan juga kemusnahan hasil pertanian dan penternakan. Ia juga menjejaskan kelaziman urusan harian manusia seperti pekerjaan, perniagaan, sistem pengangkutan serta pembelajaran murid-murid di sekolah.

Lebih menyedihkan, jika ada nyawa yang menjadi korban akibat tidak mementingkan aspek keselamatan.

Malang sekali apabila ia hadir pada ketika kesibukan persiapan dan sambutan Deepavali dan Hari Raya masih lagi berlangsung.

Banjir adalah sesuatu yang dikhuatiri berlaku setiap kali tiba musim monsun. Hujan lebat yang berterusan berhari-hari turun bersama perhitungan risiko berlakunya bencana tersebut.

Ini ditambah pula dengan fenomena air pasang besar yang melanda pesisiran Pantai Barat Semenanjung pada awal bulan Oktober hingga menjejaskan beberapa negeri seperti Kedah, Pulau Pinang dan Perlis.

Pada masa yang sama di utara Asia Tenggara, kehadiran ribut tropika menunjukkan 'kuasanya' lantas memberi ancaman kepada negara-negara seperti Vietnam, Kemboja dan Thailand.

Sedangkan bandar raya gah seperti Kuala Lumpur tidak boleh 'mendabik dada' kerana terkecuali daripada masalah banjir, inikan pula bagi kebanyakan penempatan luar bandar yang dibangunkan di dataran banjir.

Apabila taburan hujan lebih tinggi lalu melebihi kadar biasa, maka banjir tidak dapat dihindari.

Risiko tersebut sememangnya lebih cenderung un-

tuk terjadi di kawasan penempatan yang didirikan berdekatan dengan sungai atau sumber takungan air seperti empangan, kolam dan tasik.

Walaupun banjir besar ini memberi imbuhan kepada air tanah dengan membantu dari segi kuantiti, aspek kualiti kebersihan di sesetengah tempat akan merosot.

Di tempat-tempat yang menggunakan perigi misalnya, berkemungkinan air perigi dicemari dari tangki najis yang melimpah.

Itu belum lagi menyentuh tentang bangkai binatang yang mungkin tertinggal di dalam kawasan saluran yang seterusnya meninggalkan kesan kepada sumber air di kawasan berkenaan.

Kita sudah maklum dengan kehadiran dua monsun setiap tahun. Belum mengambil kira kemunculan fenomena air pasang besar dan juga tempas ribut dari sebelah Indo-China.

Apa yang boleh dipertingkatkan adalah keberkesanan sistem amaran serta kecekapan gerak kerja bantuan kecemasan.

Selain itu, pembangunan masa hadapan perlu mengutamakan kesesuaian struktur muka bumi untuk penempatan serta pembinaan saluran air yang lebih terancang.

Semua pihak perlu bertanggungjawab untuk menjaga dan menyelenggara infrastruktur yang sedia ada bagi menjauhkan kemungkinan banjir itu.

Setelah saban tahun ia berlaku, cukupkah kita sekadar terkejut, mengeluh atau bersimpati? Atau juga menuding jari, melepas tangan dan sekadar melihat mangsa banjir menghadapi 'rutin' tahunan mereka?

Atlas

TANAMAN padi musnah kerana banjir sekali gus mendatangkan kerugian kepada petani.

